

Lelaki main judi dalam talian di tempat awam didenda RM1,500

KUCHING: Seorang lelaki didenda RM1,500 atau sebulan penjara di Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah bermain judi dalam talian di tempat awam menggunakan telefon bimbit.

Majistret Nursyaheeqa Nazwa Radzali menjatuhkan hukuman itu terhadap Mckenzie Jipol, 33, yang melakukan kesalahan berkenaan sekitar jam 10.30 malam pada 28 Februari 2026 di sebuah premis di Malihah Jaya, Jalan

Matang-Batu Kawa di sini.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 7 (2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953, yang memperuntukkan denda sehingga RM5,000 atau penjara hingga enam bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Fakta kes mendedahkan polis membuat pemeriksaan ke atas premis tersebut untuk mengesan aktiviti perjudian dalam talian dan memeriksa tertuduh yang sedang duduk

bermain telefon bimbit.

Polis kemudian mendapati telefon bimbit berkenaan mengandungi unsur-unsur perjudian dalam talian dan seterusnya menahan tertuduh.

Turut dirampas adalah wang tunai RM54, sekeping kertas bertulis ID dan kata laluan, serta telefon bimbit tersebut.

Pendakwaan dilakukan oleh Inspektor Nur Shafiqah Nyaie Ilin, sementara tertuduh tidak diwakili peguam.